

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 APRIL 2017

# BN mampu pertahan Putrajaya: PM

➔ Jentera parti sudah lama diletakkan dalam kesiapsiagaan hadapi PRU-14

Oleh Nazura Ngah dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak yakin Barisan Nasional (BN) mampu mempertahankan Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tidak kira ia diadakan pada tahun ini atau tahun depan.

Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN berkata, jentera parti sudah lama diletakkan dalam kesiapsiagaan untuk menghadapi PRU-14.

Bagaimanapun, beliau yang juga Presiden UMNO, berkata masih ada sedikit tugas perlu dilaksanakan jentera sebelum gendang PRU dipalu.

"Tahun ini pun kita boleh menang, tahun depan pun kita boleh menang, insya-Allah. Saya nampak jentera sudah tidak sabar untuk lawan, kita sudah asah keris kita, sudah ada kuasa ketumbukan, semangat kepahlawanan dan serikandi.

"Saya kira kita sudah bersedia

tetapi masih ada sedikit lagi kerja iaitu mesti pastikan jentera kita buat kerja.

## Kesiapsiagaan cukup rapi

"Saya harap kita boleh membuat persiapan ataupun kesiapsiagaan cukup rapi. Saya seorang yang percaya sebelum lakukan sesuatu kerja besar, kita perlu buat persiapan dan kesiapsiagaan yang cukup rapi," katanya berucap di depan lebih 5,000 ahli UMNO dan BN sempena pelancaran jentera Jalinan Rakyat (JR) Plus di Dewan Merdeka, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Najib berkata, pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diguna pakai dalam pentadbiran kerajaan perlu diaplikasikan dalam mengendalikan jentera parti.

"Kita sudah ada pasukan yang

baik, bezanya dulu, kita masih dalam lohong masing-masing, agak bersifat jaga kawasan, wilayah, orang lain jangan masuk campur, ambil berat, ambil peduli, jangan tanya pun.

"Era itu tidak lagi sesuai, kita sudah terbukti dalam kerajaan, kita buat NBOS, banyak kerjasama menggunakan pendekatan NBOS berjaya seperti program rondaan bersama antara polis dan tentera.

## Semangat NBOS

"Semangat NBOS perlu kita terjemah dalam jentera BN, maka lahir idea bukan saja JR, malah JR Plus. JR Plus memiliki semangat NBOS, semangat dalam satu ikatan keluarga yang lebih besar, kuat, ber tenaga untuk merempuh dan membawa ke arah kejayaan," katanya.

Najib turut mengingatkan pucuk pemimpin BN supaya terus memperkukuhkan saf kepimpinan bagi memastikan parti benar-benar bersedia berdepan PRU-14.

"Kita mesti ada pengukuhan kepimpinan yang padu, jika hendak perang, jeneral utama mesti

dalam satu barisan saf yang kukuh dan percaya antara satu sama lain," katanya.

Dalam ucapan sama juga, Najib turut mengingatkan jentera UMNO dan BN jangan terlalu yakin dan berlagak, sebaliknya fokus kepada usaha turun padang dengan mengetepikan protokol.

"Saya meminta JR menjaga hati rakyat dan pengundi yang ditugaskan. Apabila (rakyat) susah dan sakit kita kunjungi mereka, jangan hanya pada bila tiba pilihan raya saja," katanya.

Sementara itu, mengulas pelantikan Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas, beliau berkata ia dilakukan atas cadangan Ahmad Zahid.

Beliau berkata, cadangan pelantikan Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan itu dikemukakan timbalannya selepas mengadakan perbincangan sejak beberapa bulan lalu.

Sehubungan itu, Najib mengingatkan semua pihak supaya berhenti melaga-lagakan kedua-dua pemimpin terbabit.

BH - 15/4/2017